

**LPK Tidak Ikut Saranan Dr Mahathir, Kata Saksi  
Bernama  
15 September , 2011**

KUALA LUMPUR, 15 Sept (Bernama) -- Mahkamah Tinggi di sini Khamis diberitahu Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) tidak mengikut saranan bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad supaya mendapatkan tanah di Pulau Indah berdasarkan cadangan Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH).

Bekas Setiausaha Bahagian Maritim (SUBM) Zakaria Bahari, 59, berkata Dr Mahathir mencadangkan supaya LPK menilai semula cadangan pembelian tanah seluas 1,000 ekar dengan mengikut penilaian JPPH iaitu dibeli pada harga RM25 sekaki persegi (skp).

Bagaimanapun, beliau berkata LPK dan syarikat penjual tanah Kuala Dimensi Sdn Bhd tidak mengikut arahan tersebut dan meletakkan nilai dan terma yang berlainan.

Saksi ketujuh pendakwaan itu memberi keterangan pada perbicaraan bekas Menteri Pengangkutan Tun Dr Ling Liong Sik yang didakwa menipu kerajaan Malaysia apabila tidak mendedahkan kepada jemaah menteri fakta berkaitan kadar faedah sebanyak 7.5 peratus setahun adalah tambahan kepada harga pembelian tanah pajakan negeri 7324 Lot 67894, yang berasaskan RM25 skp iaitu RM1,088,456,000, sedangkan beliau tahu JPPH dalam menentukan kadar RM25 skp, telah mengambil kira kadar kupon/faedah.

Dia juga berdepan dua pertuduhan pilihan (pindaan) iaitu menipu dan sengaja tidak mendedahkan kepada jemaah menteri fakta berkaitan kadar faedah sebanyak 7.5 peratus setahun adalah kadar faedah tambahan kepada harga pembelian tanah pajakan 7324 Lot 67894 berasaskan RM25 skp iaitu RM1,088,456,000.

Dr Ling, 68, didakwa melakukan semua kesalahan itu di Tingkat 4, Pejabat Perdana Menteri, Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, antara 25 Sept dan 6 Nov 2002.

Zakaria berkata JPPH mencadangkan kadar tanah sebanyak RM25 skp (1,000 ekar) meliputi kadar faedah manakala menerusi perjanjian jual beli yang ditandatangani antara LPK dan KDSB, nilai tanah ditetapkan RM25skp tidak termasuk faedah 7.5 peratus yang menjadikan jumlah perbelanjaan sebanyak RM1.8 bilion.

Walaupun mengetahui LPK tidak mengikut arahan bekas Perdana Menteri, tiada sesiapa yang menegur tindakan itu ketika bermesyuarat, katanya kepada soalan peguam Wong Kian Kheong yang mewakili Dr Ling.

Ketika disoal semula oleh Timbalan Pendakwa Raya Datuk Tun Abdul Majid Tun Hamzah berhubung percanggahan nilai faedah sama ada 6 atau 6.5 peratus (yang dicadangkan JPPH), beliau berkata: "Walau berapa pun kadar faedah, nilai tanah sebanyak RM25 skp itu adalah termasuk faedah."

Terdahulu, Zakaria berkata tiada sebarang kesilapan di dalam dokumen berkaitan projek pembangunan Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) termasuk nota ringkasan kepada menteri.

Beliau yang berkhidmat sebagai SUBM sehingga 2005 turut memberitahu bahawa ketika mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang, tiada seorangpun ahli jawatankuasa yang

menyoalnya sama ada jumlah RM25 itu termasuk faedah ataupun tidak.

Jadi, tiada keperluan untuknya menerangkan berhubung perkara tersebut.

Kepada soalan Wong adakah beliau menyimpan sebarang catatan mengenai kadar faedah, Zakaria berkata "Ada catit dalam buku biasa tetapi buku itu sudah hilang selepas saya tinggalkan jawatan pada 2005."

Perbicaraan di depan Hakim Datuk Ahmadi Asnawi bersambung 3 Okt.

--BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=613825>